



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	7/9/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	15
JABATAN	:	TNB			

TNB sumbang RM100,000 bantu mangsa bencana kepala air Gunung Jerai

SHAH ALAM - Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyerahkan cek sumbangan sebanyak RM100,000 bagi membantu mangsa-mangsa bencana kepala air Gunung Jerai.

TNB dalam satu kenyataan berkata, sumbangan tersebut diserahkan oleh Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan kepada Ahli Parlimen Jerai, Sabri Azit di Pusat Operasi Bencana Titi Hayun, Yan, Kedah pada Sabtu lalu.

“Takiyuddin turut mengadakan lawatan meninjau kawasan tanah runtuh akibat kepala air di Gunung Jerai

yang berlaku pada 18 Ogos lalu.

“TNB juga akan memulihkan aset dan infrastruktur bekalan elektrik yang rosak dan terjejas ekoran bencana yang berlaku itu,” kata kenyataan berkenaan pada Isnin.

Turut mengiringi Takiyuddin pada program itu ialah Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Baharin Din.

Tambah kenyataan itu lagi, dalam tempoh ini, TNB akan menyediakan jana kuasa bergerak untuk membekalkan elektrik kepada pengguna yang terjejas sehingga bekalan elektrik dipulihkan sepenuhnya.

Sinar, 7 Sept
2021, 15



Takiyuddin (tengah) bersama Baharin (kanan) menyerahkan replika cek sumbangan CSR TNB bagi mangsa banjir yang bernilai RM100,000 kepada Sabri.

